

02 JUN 2001

Mahathir-ikrar

KERAJAAN TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA TEKANAN

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Kerajaan tidak akan tunduk kepada keganasan, demonstrasi jalanan, tekanan dan taktik kotor sesetengah pihak yang hanya berjuang untuk kepentingan diri sendiri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan yang ada sekarang dilantik melalui proses demokrasi menerusi pilihan raya.

"Ini adalah cara kita dan sebarang rasa tidak puas hati di kalangan mana-mana pihak bolehlah dibawa ke pilihan raya dan bukannya melalui cara-cara yang menyalahi undang-undang dan perlembagaan negara," katanya dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia pada majlis mengadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara hari ini.

Dr Mahathir berkata dalam mempertahankan negara daripada sebarang ancaman, kerajaan akan bertindak tegas tanpa kompromi walaupun tindakan itu tidak disenangi oleh sesetengah pihak termasuk kerajaan asing.

"Kerajaan tidak akan tunduk pada tekanan dari mana-mana pihak dan akan mengambil apa sahaja tindakan yang perlu dan sesuai untuk mempertahankan hak majoriti rakyat untuk terus hidup aman dan makmur," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah tanggungjawab kerajaan untuk memastikan rakyat dapat terus mengejar kemakmuran dan menikmati kekayaan dan kesejahteraan.

"Alhamdulillah, setakat ini tindakan kerajaan masih mendapat sokongan majoriti rakyat yang cintakan keamanan," katanya.

Perdana Menteri berkata apa yang akan berlaku terhadap negara apabila rusuhan menjadi amalan bagi menjatuhkan kerajaan.

Katanya apabila sesuatu kerajaan dilantik maka yang kalah akan merusuh dan berdemonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan tersebut dan apabila kerajaan yang dilantik itu jatuh dan diganti dengan kerajaan yang satu lagi, penyokong kerajaan yang digulingkan pula akan merusuh untuk menjatuhkan kerajaan yang ada.

"Tidak akan ada satu pun kerajaan yang kekal dan segala usaha untuk membangunkan dan memajukan negara akan terhenti... Nasib rakyat sudah tentu tidak akan terbela, ekonomi akan jatuh dan negara akan terus porak peranda," katanya.

Walaupun kerajaan dituduh tidak demokratik, tidak menghormati kebebasan bersuara dan hak individu, Perdana Menteri berkata kerajaan berpendapat tanggungjawab terhadap hak majoriti adalah lebih utama daripada kebebasan yang tidak bertanggungjawab oleh individu.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan terus memastikan hubungan dan perpaduan antara kaum terus rapat dan akrab, di samping terus berusaha untuk menyatupadukan orang Melayu yang terpisah berikutan jurang perbezaan fahaman politik.

Mengenai hubungan luar negara, Perdana Menteri berkata ia berada di tahap yang amat memberangsangkan dan Malaysia terus dihormati kerana dasar luarnya yang tegas mempertahankan hak negara-negara membangun dan menentang ketidakadilan serta penindasan ke atas negara lemah.

"Ini sedikit sebanyak telah memperkukuhkan pengaruh kita di kalangan negara-negara lemah dan merdeka di samping mempererat lagi hubungan dengan mereka," katanya.

Beliau berkata walaupun tidak disenangi banyak pihak termasuk media asing yang sering mengkritik negara, Malaysia tetap menerima kunjungan ketua pelbagai negara membangun dan negara ini dijadikan contoh serta

diiktiraf sebagai sebuah negara Islam yang unggul.

Mengenai pertumbuhan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata pertumbuhan ekonomi tahun ini dijangka pada tahap antara lima dan enam peratus berikutan kelembapan ekonomi dunia akibat kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

Beliau berkata kerajaan sedang dan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kesan ini seperti menggalakkan pelaburan tempatan, mempertingkatkan penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang dan mempercepatkan pembangunan infrastruktur.

"Kerajaan juga telah mengumunkan pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM3 bilion untuk pembangunan infrastruktur termasuk sekolah, kolej komuniti dan perumahan," katanya.

Perdana Menteri bagi pihak kerajaan, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam serta rakyat mengucapkan tahniah kepada Sultan Salahuddin sempena ulang tahun keputeraan dan berdoa semoga Seri Paduka berdua sentiasa berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

-- BERNAMA

AT HS RI